

# Mengapa bulan Islam tidak tetap?



FOTO HIASAN

## ► USTAZ DR FIRDAUS YAHYA

“KENAPALAH ‘exam O level’ waktu raya tahun ni?” keluh Salim. Ia juga keluan ribuan pelajar Islam yang menduduki peperiksaan peringkat Sijil Am Pelajaran (GCE ‘O’) dan GCE ‘A’ pada tahun 2006 dan 2007.

Ini kerana bulan Ramadan dan Syawal berlaku sekitar bulan Oktober pada kedua-dua tahun tersebut.

Setelah itu, 13 tahun kemudian, iaitu pada tahun ini, Ramadan dan Syawal jatuh pada bulan April dan Mei.

### MENGAPA BULAN ISLAM TIDAK TETAP?

Jawapannya terletak pada sistem kalendar Islam dan sistem kalendar Masehi.

Seperti yang dinyatakan dalam artikel saya yang lalu, kalendar Islam adalah jenis kalendar Qamari (*lunar calendar*) di mana ia bergantung kepada putaran bulan mengelilingi bumi.

Manakala kalendar Masehi adalah jenis kalendar Syamsi (*solar calendar*) di mana ia bergantung kepada putaran bumi mengelilingi matahari.

Oleh kerana bulan mengambil masa secara purata 29.5 hari untuk satu putaran keliling bumi, maka 12 kali putaran mempunyai 354 hari.

Putaran bumi keliling matahari pula mengambil masa 365 hari.

Jelas di sini bahawa tahun Hijrah kurang sebanyak 11 hari jika dibandingkan dengan tahun Masehi.

Sekiranya 1 Muharam jatuh pada 1 Januari, maka tahun Islam akan berakhir pada 20 Disember.

Tarikh 21 Disember akan bermula tahun baru Islam yang berikutnya sedangkan ia masih tahun yang sama bagi tahun Masehi.

Tiga tahun kemudian, 11 hari tersebut akan bertambah sehingga 33 hari.

Maka 1 Muharram akan jatuh pada akhir November.

Maka kita dapat lihat di sini bahawa tahun Islam akan terkebelakang sebanyak sebulan bagi setiap 3 tahun Masehi.

Oleh kerana ada 12 bulan dalam setahun, maka dalam masa lebih kurang 33 tahun, tahun Hijrah akan melebihi tahun Masehi sebanyak satu tahun.

Dengan ini, orang yang sudah berumur 33 tahun, jika dilihat dari sudut tahun Hijrah, umurnya adalah 34 tahun.

Dan jika umurnya 66 tahun, jika ikut Hijrah, umurnya sudah menjangkau 68 tahun.

Jika unjurkan tahun Masehi kepada 300 tahun, maka terdapat 309 tahun Hijrah. Inilah perbezaan yang disebut oleh Allah *swt* dalam surah Kahfi:

“Dan mereka (Ashabul Kahfi) tidur dalam gua mereka selama 300 tahun, dan sebahagian manusia tambahnya kepada 309 tahun. (Kahfi, 25)”

### PERBEZAAN BILANGAN HARI

Tahun ini, 1 Syawal dijangkakan pada 13 Mei. Tahun 2020, ia pada 24 Mei. Maka perbezaannya ialah 11 hari.

Tetapi pada tahun 2019, 1 Syawal jatuh pada 5 Jun. Bermakna, Hari Raya tahun 2020 terkebelakang sebanyak 12 hari! Bukan 11 hari.

### DI MANA SILAPNYA?

Sebenarnya tiada kesilapan yang berlaku. Tahun 2020 adalah tahun lompat. Ada tambahan 1 hari pada bulan Februari.

Ini menjadikan bilangan hari pada tahun tersebut 366 hari. Maka berlakunya perbezaan 12 hari antara Hari Raya 2019 dan Hari Raya 2020.

Hari Raya tahun 2022 pula dijangkakan pada 2 Mei. Ini bermakna perbezaan 11 hari akan berterusan untuk tahun hadapan.

Pada tahun 2026 pula, Hari Raya dijangkakan jatuh pada 20 Mac. Dan Hari Raya pada tahun 2027 dijangkakan jatuh pada 10 Mac.

Maka perbezaan antara keduanya ialah 10 hari! Bukan 11 hari.

### DI MANA SILAPNYA LAGI?

Sekali lagi, tiada kesilapan di sini.

Sebenarnya tahun Hijrah juga ada tahun lompat. Ia berlaku setiap beberapa tahun tetapi tidak tetap seperti tahun lompat dalam kalendar Masehi.

Dalam tahun lompat Hijrah, bilangan hari bertambah kepada 355 hari.

Apabila ia berlaku pada tahun biasa Masehi yang mempunyai 365 hari (seperti pada tahun 2026 dan 2027), maka perbezaan antara tahun Hijrah dan Masehi berkurangan kepada 10 hari.

Ini yang berlaku pada tahun 2027 kelak.

### TAHUN LOMPAT HIJRAH

Dalam kalendar Masehi, tahun lompat berlaku sekali setiap pusingan empat tahun Masehi.

Dalam kalendar Hijrah, tahun lompat berlaku sebanyak 11 kali dalam setiap pusingan 30 tahun Hijrah.

Taburan 11 tahun lompat itu ikut huruf saksi bagi ayat di bawah ini: Waktu sembahyang ikut takwim Islam.

Maka tahun-tahun lompat dalam kalendar Hijrah berlaku pada tahun ke 2, 5, 7, 10, 13, 16, 18, 21, 24, 26 dan 29.

Dalam 11 tahun ini, jika ia bertepatan dengan tahun biasa Masehi, perbezaannya ialah 10 hari.

Jika ia bertepatan dengan tahun lompat Masehi, perbezaannya ialah 11 hari.

Oleh kerana kita tidak dapat tentukan bila tahun lompat Hijrah akan berlaku, kita tidak boleh gunakan perbezaan hari antara tahun Hijrah dan tahun Masehi untuk tentukan tarikh-tarikh awal bulan Islam pada masa akan datang.

Kita perlu gunakan cara yang telah ditunjuk ajar oleh Nabi Muhammad *saw* iaitu dengan melihat anak bulan.

Ini akan saya kupas pada penulisan saya berikutnya.